

05/07/2002

Sekretariat Asean+3 tidak dibantah

PUTRAJAYA, Khamis - Cadangan Malaysia supaya Sekretariat Asean+3 diwujudkan di Kuala Lumpur setakat ini tidak dibantah anggota Asean lain.

Menteri Luar, Syed Hamid Albar, berkata bagaimanapun penubuhan sekretariat itu hanya akan menjadi kenyataan jika semua negara Asean menyokong dan mengiktirafnya sebagai satu institusi sah.

"Pada masa ini, penubuhannya mendapat tindak balas positif dan banyak keputusan sudah dibuat. Apa yang perlu ialah menjadikannya institusi sah menerusi sokongan negara Asean," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini, hari ini.

Beliau mengulas sambutan negara Asean terhadap cadangan Malaysia menubuhkan Sekretariat Asean+3 yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Syed Hamid berkata, Malaysia akan memastikan penubuhan sekretariat itu menjadi kenyataan dan bersedia menyediakan sumber kewangan.

"Setakat ini Korea, Jepun dan China tidak membantah tetapi inisiatif mesti datang dari Asean sendiri. Memandangkan Dr Mahathir sudah memulakannya dan Kuala Lumpur menjadi tuan rumah, kita sanggup menyediakan bantuan kewangan," katanya.

Difahamkan, cadangan penubuhan sekretariat itu yang disokong Jepun, Korea dan China, dijangka dibincangkan pada mesyuarat Menteri-Menteri Asean ke-35 di Bandar Seri Begawan, Brunei, akhir bulan depan.

Penubuhan Sekretariat Asean+3 di Kuala Lumpur dilihat asas kepada usaha Malaysia memperjuangkan penubuhan Majlis Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) sejak 1990.

Sementara itu, Syed Hamid berkata, Malaysia membantah tuntutan Amerika Syarikat yang meminta anggota tentera pengaman negara itu dikecualikan daripada didakwa di Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC).